

Najib didakwa bertemu eksekutif firma pertahanan sedia kontrak

BERITA HARIAN 22 MAY 2025

m/s: 14

Dokumen dikatakan disediakan untuk beri imbuhan kepada Najib, pihak lain

Oleh Ahmad Johari Mohd
ahmad_johari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendakwa Raya Kewangan Perancis mendakwa dalam satu dokumen siasatan tahun lalu, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bertemu eksekutif syarikat pertahanan untuk menyediakan kontrak sebelum perjanjian pembelian kapal selam bernilai AS\$1.2 bilion ditandatangani pada 2002.

Memetik laporan portal antarabangsa *Bloomberg News*,

berdasarkan kepada dokumen yang dilihat portal itu, kontrak berkenaan dikatakan disediakan untuk memberi imbuhan kepada Najib dan pihak lain.

Dakwa itu didedahkan sebagai sebahagian daripada ringkasan oleh Pendakwa Raya Kewangan Perancis berhubung kes membabitkan syarikat pertahanan Perancis, Thales SA dan DCN International (DCNI), iaitu entiti yang kini sebahagian daripada Naval Group yang berpangkalan di Paris.

Dalam dokumen itu, yang tidak didedahkan kepada umum, Parquet National Financier (PNF) mengesyorkan pendakwaan jenayah terhadap bekas penasihat Najib, Abdul Razak Baginda dan individu lain yang terbabit termasuk DCNI, Thales dan dua entiti lain milik Thales.

Apabila dihubungi oleh *Bloomberg*, Kementerian Kehakiman Perancis mengesahkan cadangan daripada PNF itu.

Menurut *Bloomberg*, seorang majistret siasatan di Perancis kini perlu memutuskan sama ada untuk memerintahkan satu perbicaraan atau menggugurkan dakwaan berkenaan.

Walaupun keputusan untuk pendakwaan itu belum jelas, Najib tidak menghadapi sebarang pertuduhan dalam kes terbabit dan tiada bukti menunjukkan beliau menerima sebarang bayaran.

PNF juga tidak memohon supaya beliau dibicarakan.

Portal itu menyatakan, seorang individu yang arif mengenai perkara itu berkata, kurangnya kerjasama daripada pihak Malaysia menyebabkan penyiasat Perancis tidak dapat

mengumpulkan bukti mencukupi untuk memanggil Najib bagi disoal siasat atau didakwa.

Artikel tiada dasar fakta

Sementara itu, syarikat guaman mewakili Najib, Tetuan Shafee & Co dalam kenyataan medianya berkata, artikel *Bloomberg* itu tidak menimbulkan isu pertanggungjawaban terhadap anak guamnya dan setiap gambaran yang dinyatakan sebaliknya tidak memiliki dasar fakta.

Katanya, cadangan pendakwa Perancis terhalang dalam memperoleh dokumen Malaysia kerana 'pengaruh' Najib adalah spekulatif dan tidak logik.

"Sejak 2018, Malaysia mengalami tiga pertukaran pemerintahan berturut-turut, yang semuanya bersikap politik dan tidak 'berbaik' dengannya.

"Dalam tempoh itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan jawatankuasa Parlimen memiliki akses tanpa


had kepada Kementerian Pertahanan dan sumber relevan lainnya.

"Tidak ada satu pun dokumen mengaitkan Najib yang pernah diajukan, kerana ia memang tidak wujud," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu berkata, artikel berkenaan mengungkit kembali kehadirannya ketika rundungan perolehan kapal selam pada 2002.

Ia berkata, sebagai menteri pertahanan ketika itu, Najib mengetahui perbincangan sedemikian adalah sebahagian daripada tugasnya yang sedia ada dan diberi mandat dari segi undang-undang.

Katanya, untuk meletakkan semula peranan menteri sebagai bukti salah laku dengan ketiadaan sebarang bukti pengayaan peribadi atau arahan yang menyalahi undang-undang, bukan sahaja tidak berasas malah ia sindiran nakal yang direka untuk mengelirukan pendapat umum.



Najib Razak